

31 MAY 2002

Agong-Titah

BERPEGANG KUAT KEPADA AGAMA DAN NILAI KETIMURAN : AGONG

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail malam ini menyeru rakyat supaya berpegang kuat kepada agama dan nilai-nilai murni budaya ketimuran dalam usaha menangani gejala sosial yang menular dalam masyarakat.

Justeru baginda mahukan agar mereka yang bertanggungjawab mendidik anak-anak iaitu ibu bapa dan guru terutamanya guru agama, supaya berusaha memupuk dan menyemai nilai-nilai yang baik daripada ajaran agama serta budaya.

"Ibu bapa dan pendidik mestilah memupuk contoh yang baik kepada anak dan generasi muda.

"Jenayah sumbang mahram yang menjadi-jadi sekarang ini adalah kerana mereka yang bertanggungjawab terhadap pembentukan peribadi yang baik di kalangan generasi muda sudah gagal," titah baginda sempena ulangtahun hari keputeraan rasmi baginda yang disiarkan menerusi RTM.

Baginda menyeru semua pihak terutama kerajaan, ibu bapa dan pendidik supaya memberi perhatian yang serius kepada masalah itu.

"Jenayah ini perlu dibanteras jika kita ingin lihat generasi akan datang yang lebih bermoral," titah baginda.

Mengenai sikap toleransi kaum, baginda menyatakan rasa bangga dengan sikap rakyat yang begitu toleran hingga tidak ada kaum yang menindas kaum lain seperti mana berlaku di negara-negara lain.

"Sikap toleransi ini di samping sikap hormat menghormati, saling bekerjasama dan adanya sifat persefahaman yang tinggi antara rakyat, telah mencorakkan negara kita sebagai sebuah negara yang aman, selamat, maju dan makmur.

"Orang asing sendiri apabila mengunjungi negara kita merasa kagum sekali dengan rakyat kita yang boleh hidup dan kerja bersama," titah baginda.

Baginda bertitah bahawa kemajuan yang dicapai oleh negara selama ini tidak bererti sekiranya rakyat hidup berpecah-belah, bermusuhan antara satu sama lain dan berada dalam ketakutan.

Dalam soal pembangunan, baginda memuji sikap kerajaan yang begitu peka dan prihatin terhadap nasib rakyat terutama mereka yang daif dan miskin.

Baginda bertitah kerajaan telah berusaha dengan gigih sekali untuk melaksanakan program-program bagi meningkatkan taraf hidup rakyat tanpa mengira kaum, budaya dan agama.

"Dasar kerajaan untuk melihat adanya keseimbangan sosial di kalangan rakyat pelbagai kaum terbukti berjaya kerana dengan strategi pembangunan ekonomi yang bijak, golongan rakyat yang ketinggalan dalam arus kemajuan negara semakin kecil jumlahnya.

"Paras kemiskinan telah dapat dikurangkan dengan banyaknya dan kebijaksanaan kerajaan untuk mengimbangi pembangunan ekonomi dengan keperluan sosial masyarakat telah menghasilkan ketenteraman dan kesejahteraan kepada rakyat," titah baginda.

Yang di-Pertuan Agong juga menyatakan rasa puas hati baginda dengan segala langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan tiada kaum atau golongan termasuk wanita, belia, orang tua dan kurang upaya yang keciciran.

Baginda mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang dipimpin oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana telah menjalankan tugas mentadbir negara dengan begitu cekap dan komited.

Baginda percaya sokongan padu rakyat terhadap sebarang usaha kerajaan

untuk membangunkan negara terutama dalam bidang ekonomi, pendidikan, sosial dan perpaduan akan berterusan.

-- BERNAMA

AKT ZS MOZ